

Publication: Berita Harian , p 10

Date: 23 May 2017

Headline: Powerful scholarship for women in 'male-dominated' careers

PEMIMPIN AKAN DATANG: Cik Shaily Sharma (*kiri*) dan Cik Zhou Yuzhen daripada SMU adalah penerima Biasiswa Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Buat Wanita yang disampaikan Mastercard. – Foto MASTERCARD



Biasiswa perkasa wanita dalam kerjaya ‘dikuasai lelaki’

MEMPERKASA wanita dalam bidang perniagaan mahupun sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (Stem) menjadi misi badan korporat Mastercard.

Berdasarkan misi itu ia telah memilih empat mahasiswa wanita untuk menerima Biasiswa Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) Bagi Wanita dan Biasiswa Mastercard Bagi Wanita baru-baru ini.

Cik Shaily Sharma dan Cik Zhou Yuzhen daripada Universiti Pengurusan Singapura (SMU) serta Cik Chen Jing dan Cik Debbie Lim daripada Universiti Teknologi dan Reka Bentuk Singapura (SUTD) merupakan penerima biasiswa tersebut baru-baru ini.

Mereka dipilih kerana rekod cemerlang dalam bidang akademik, ciri-ciri kepimpinan dan keusahawanan serta rekod mengagumkan dalam khidmat kemasyarakatan.

Ini merupakan tahun ketujuh Mastercard bekerjasama dengan SMU bagi menyampaikan biasiswa itu kepada siswa MBA sepenuh masa dari rantau Asia Pasifik. Ia bertujuan membangunkan potensi mereka dalam bidang akademik dan keusahawanan.

Mastercard dan SMU juga berharap penerima biasiswa itu dapat dipupuk kelak menjadi wanita yang bertanggungjawab terhadap isu-isu kemasyarakatan. Penerima yang bertuah juga berpeluang menjalani program bekerja sambil belajar di Mastercard yang membuka ruang bagi mereka meninjau perniagaan dan operasi

syarikat bayaran sejagat itu. Sejauh ini, 17 wanita muda sudah pun menerima biasiswa itu.

Penolong Dekan bagi Program Possiswazah di Sekolah Perniagaan Lee Kong Chian, SMU, Cik Leila Guerra, berkata:

“Purata sekitar 40 peratus daripada pelajar MBA kami adalah wanita dan terdapat lebih 15 kaum dalam setiap kelas. Justeru, peluang meraih Biasiswa Mastercard ini akan lebih memperkasa SMU dan siswa wanita ini agar membawa perbezaan lebih besar dalam menggalas peranan kepimpinan lebih utuh.”

Tahun ini adalah tahun ketiga SUTD bekerjasama dengan Mastercard dalam menggalak penimbaan ilmu dalam cabang Stem. Sejauh ini, enam mahasiswa sepenuh masa sudah pun dianugerahi biasiswa tersebut yang menyokong wanita yang ingin menerajui bidang kerjaya Stem suatu hari nanti.

Biasiswa yang diterima meliputi yuran tuisyen bersubsidi tahunan bagi satu tahun akademik di SUTD.

Presiden SUTD, Profesor Thomas Magnanti, mengulas:

“Biasiswa Mastercard-SUTD ini sejajar dengan program wanita SUTD yang bertujuan membangun pemimpin wanita yang cemerlang dalam kebolehan kejuruteraan dan teknikal.

“Di Singapura, wanita kurang diwakili dalam bidang kejuruteraan dan kami berterima kasih dengan Mastercard kerana bermurah hati menawarkan biasiswa ini.”